

# MUSA NAFIKAN POLIS KASAR

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini menafikan sekeras-kerasnya pihak polis melabukan kekerasan serta menyiksa orang awam.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan berpuas hati dan berterima kasih kepada anggota polis yang "begitu meneka keadaan kehidupan mereka di waktu menjalankan tugas bagi kepentingan keamanan dan keselamatan rakyat negara ini."

"Saya merayu kepada masyarakat umum keseluruhannya, supaya berhati-hati bila membuat sesuatu laporan atau tohmah apa yang dikatakan "kekerasan" atau "kekejaman" polis.

"Kerajaan akan meniasat serta mengambil tindakan tegas atas kejadian yang tidak diingini yang dilakukan oleh anggota polis. "Tetapi, saya bertanggungjawab mengingatkan bahawa isu apa yang dikatakan "kekejaman" atau "kekerasan" polis ialah isu yang paling popular untuk dieksploitasi oleh pihak oportunistik," tambahnya.

Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri mengemukakan demikian sewaktu menjawab selang tiga soalan mengenai "kekerasan dan kekejaman" polis, di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, bilangan pengaduan yang diterima mengenai kekerasan yang dilakukan oleh anggota polis memang bertambah.

## Bukti yang cukup

Misalnya, tegas beliau dalam tahun 1979 bilangan pengaduan yang diterima ialah 132; 196 dalam tahun 1980 dan 247 dalam tahun 1981.

Selap pengaduan yang diterima, teganya, disiasat dan kertas penyiasatan bagi setiap kes akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya atau Peguam Kanan Persekutuan atau kepada Penasihat Undang-undang Negeri yang akan mengkaji dan membuat keputusan, berasaskan keterangan yang ada, sama ada anggota polis yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah atau diambil tindakan tatertib atau tidak diambil tindakan lanjut.

"Pengalaman daripada kes-kes pengaduan yang telah disiasat menunjukkan bahawa kebanyakan pengaduan itu tidak mempunyai asas dan bukti yang cukup untuk mengambil tindakan terhadap anggota polis yang diadakan melakukan kekerasan."

"Namun demikian pihak berkuasa polis memang memandang berat atas perkara ini dan elah mengambil langkah-langkah sewajarnya.

"Pertama, mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang melanggar disiplin sama ada dengan mengenakan tindakan tatertib atau didakwa di mahkamah.

"Kedua, menekankan keperluan latihan yang tinggi semasa menjalani latihan di pusat-pusat latihan polis serta mengadakan dialog di semua peringkat untuk mengingatkan mereka tentang tanggungjawab polis supaya bertugas mengikut lulus undang-undang.

"Ketiga, mengadakan pengawasan lebih rapi oleh pegawai-pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi terhadap anggota-anggota bawahan mereka," katanya.

"Saya sentiasa menerima laporan harian mengenai kes-kes yang melibatkan anggota polis. "Kemudian saya mengarahkan siasatan lanjut untuk Undak sewajarnya," tambahnya.

Kepada soalan Haji Hashim Endut (BN-Ulu Muda), Timbalan Perdana Menteri berkata, anggota polis Malaysia adalah yang paling berdisiplin di Asia Tenggara.

No. Siri ..... 2445 .....  
No. Penerimaan ..... 109/85 .....